

# THE TITAN

RICHWORKS®

Di Sini Lahirnya  
Usahawan Jutawan

24 JUN 2023 | BIL: 50  
www.richworks.com

[richworks.com/thetitan](http://richworks.com/thetitan)

*Industry View*

**7** SEBAB KENAPA MENTOR  
PENTING DALAM BISNES

# WAN MOHD HAFIZ & ISMANISA ISMAIL

43 TAHUN, PERJALANAN  
NOOR ARFA BATIK TAWAN MALAYSIA





# CABARAN SENTIASA ADA, BISNES NOOR ARFA BATIK TAK TERKECUALI!

**NOOR ARFA BATIK TELAH DIBUKA SEJAK TAHUN 1980 DI TERENGGANU OLEH KEDUA-DUA IBU BAPA TUAN WAN MOHD. HAFIZ SENDIRI.**

Nama Noor Arfa itu sendiri diambil sempena nama ibu bapanya. Noor diambil daripada nama ibunya, Noor Hijrah dan Arfa gabungan nama bapanya Wan Mohd Ariffin dan minat kepada kereta Alpha Romeo. Maka tertubuhlah Noor Arfa pada 1980.

Mula berdua di belakang rumah, ia terus berkembang dengan bantuan adik-beradik sehingga berjaya membeli sebuah kilang dan dikenali sebagai pengeluar batik lukis terbesar di Malaysia pada 1989.

Permintaan semakin meningkat, mereka mula lebarkan sayap dengan buka cawangan di seluruh Malaysia dan mewujudkan sistem francais. Noor Arfa juga pernah terbang ke Los Angeles.

“Fasa awal perkembangan dari 1989 sehingga 1990. Sepanjang 10 tahun kita buka cawangan sehingga ke Sabah.

“Di Los Angeles, kita hantar pekerja ke sana dan buka cawangan,” kongsi Pengarah Urusan Noor Arfa Holdings Sdn. Bhd., Wan Mohd. Hafiz memulakan bicara.

## **KOMPLEKS KRAF NOOR ARFA**

Dari membuka cawangan di seluruh Malaysia, Noor Arfa membuka Kompleks Kraf pada 2008 di Terengganu dengan keluasan lebih kurang lima ekar.

“Dulu matlamat Noor Arfa untuk membuka cawangan, maksudnya kita memperjuangkan jenama Noor Arfa. Jadi bila dah buka Kompleks Kraf Noor Arfa, perjuangan ada dua.

“Untuk Noor Arfa, tetap kita pasarkan produk manakala Kompleks Kraf Noor Arfa sebagai pusat jualan yang mengumpulkan jenama batik dari seluruh Malaysia dan negara jiran,” jelasnya.

Tambahnya, kompleks kraf itu bukan sahaja untuk memasarkan produk keluaran syarikatnya malah membantu lebih 70 jenama berkembang bersama Noor Arfa.

## **DIPANGGIL PULANG**

Wan Mohd Hafiz dan isteri, Ismanisa Ismail yang juga Pengurus Besar Noor Arfa menimba ilmu di Dublin dan memiliki sijil kelayakan profesional Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun (ACCA) sebelum bekerja di sana.

Dari Terengganu ke Bandar Raya Bersejarah, apabila bangunan Kompleks Kraf di Melaka yang diberi nama Melaka Batik House telah siap, ibu bapa Wan Mohd Hafiz memanggilnya pulang untuk kembali berkhidmat di tanah air.





"Waktu tu kami sudah kerja dan berkahwin di sana. Bila mak ayah suruh balik, sebagai isteri yang solehah, Puan Isma pun ikut suami dia balik.

"Memang kami ditugaskan untuk menjaga Melaka Batik House. Sayalah orang pertama duduk di situ bermula dari kosong dan menjalankan proses mengambil pekerja," katanya.

Bisnes model Kompleks Kraf Noor Arfa di Terengganu yang telah beroperasi selama setahun lebih kemudian di bawa ke Melaka.

"Dah tau bisnes model dia, kita bantu orang dengan cara *consignment*. Saya pun mula cari *supplier* di Melaka.

"Kita cari siapa nak *supply consignment* produk dekat kita sebab kita ada kompleks," katanya lagi.

Tapi, pepatah Melayu ada menyatakan, lain padang lain belang. Cabaran lain pula menanti.

### MULA STUCK

Dalam bisnes tak boleh lari ada cabaran walaupun telah berjaya capai kejayaan yang tinggi.

"Kita buka dua kompleks kraf di Terengganu dan Melaka. Pembukaan di Terengganu sangat agresif dengan pelaburan hampir RM10 juta.

"Di Melaka pula kita buat *investment* yang sama hampir RM8 juta. Tapi sales kita *stagnant*, tak meningkat sampai *hire consultant* tapi masalah tetap tak selesai.

"Bila tengok kewangan, baru saya sedar masalah kita adalah cash flow dan bukan *profit* sebab komitmen bank yang besar," jelasnya lagi.

Akhirnya mereka membuat keputusan untuk menjual Melaka Batik House untuk menyelamatkan cawangan Noor Arfa yang lain.

## DAFTAR IMKK BUY 1 FREE 1

Allah Maha Perancang dan perancangannya tepat. Tidak ada yang lambat dan tidak ada yang cepat.

"Pada 2017, saya sertai Intensif Magnet Kekayaan & Kejayaan (IMKK). Awalnya Puan Isma seorang je yang daftar IMKK, alhamdulillah tiba-tiba RichWorks beri satu lagi tiket percuma.

"Waktu tu saya skeptikal bila ramai cakap jual air liur. Saya pergi juga sebab bini dah ajak.

"Apa yang menarik semasa IMKK, apabila Mentor Usahawan, Datuk Wira Dr. Azizan Osman kongsi tentang *results* di sesi *Hot Seat*. Yang jadi pembakar semangat adalah Nurraysa, muka tak nampak tapi boleh jual kosmetik," ceritanya tentang bagaimana mereka bermula di RichWorks.

Selepas IMKK, mereka menyertai Millionaire Marketing Masterclass (MMM) dan apabila dah nampak *result* MMM baru mereka sertai permentoran Titanium pada tahun 2018.

## JUALAN DI PLATFORM DIGITAL

Pada tahun 2018, jualan Noor Arfa mula menampakkan kenaikan. Tak banyak tapi ada perubahan.

"Kita mula menjual secara online dengan gunakan *website* Noorarfa.com. Dalam masa yang kita wujudkan *dropship*.

"18 Mac 2020, Malaysia mula perintah kawalan pergerakan (PKP). Alhamdulillah disebabkan MMM pada Disember 2019, kita boleh *survive*

sewaktu PKP tahun 2020 dan 2021," jelasnya.

Menurut Puan Isma, Noor Arfa juga mula mengeluarkan batik berwarna pastel berbanding kelaziman sebelum ini.

"Warna dan corak batik ini bukan sahaja untuk dipakai sebagai batik basahan tetapi sesuai dibuat baju kurung dan fesyen lain.

"Ini juga menarik golongan mudah untuk memilih batik keluaran Noor Arfa yang memenuhi citarasa mereka," jelasnya.

## PENCAPAIAN

Sejak 1980 Noor Arfa alami jatuh bangun dalam dunia perniagaan.

Dulu mereka sekadar meneruskan legasi, kini sudah tahu apa hala tuju yang jelas, menguruskan *team* dan organisasi.

"6 tahun kami bersama RichWorks, sejak 2017 sampailah sekarang. Kenapa kami masih *stay*? Sebab kami makin *certain* dengan hala tuju kami. Sampai sekarang kita makin naik dan alhamdulillah banyak perubahan daripada segala yang berlaku pada *team* Noor Arfa dan diri kami.

"Dulu kami tak tahu nak jaga emosi, nak *manage team*, nak *handle* apa yang berlaku, situasi, tahu nak marah je. Sekarang kita *improve* diri jadi a *better leader*.

"Sekarang mampu bawa staf pergi bercuti dan mampu bagi pengurus di Noor Arfa kereta walaupun tak sehebat mana. Kita juga buat *grand dinner award*.

"Daripada segi sistem, kita *invest* pada sistem yang lagi hebat untuk kemudahan syarikat," ujarnya lagi.







# 3

## NASIHAT



### PERTAMA, JANGAN EGO UNTUK CARI ILMU

"Pada mereka yang baru nak berbisnes, rendahkan ego. Cari ilmu dan mentor untuk kita tahu ke mana kita nak pergi... Kami dah belajar dah tinggi, dapat *professional certification*, tapi kami ego nak belajar," kata Wan Mohd Hafiz.

### KEDUA, KENA ADA MENTOR UNTUK GUIDE KITA

"Dulu ayah saya yang *guide* sehingga 1 tahap yang kita nak capai. Kalau nak pergi lebih lagi, saya kena cari mentor yang lagi berjaya.

"Bisnes dan kehidupan ni macam GPS, orang dah bagitahu *turn right turn left, follow* je lah. Sebab dia dah lalui benda tu," nasihat Puan Isma.

### KETIGA, JANGAN TAKUT UNTUK MENCUBA

"Ramai orang saya jumpa, takut nak bayar yuran mahal. Sebab dia rasakan dia bayar tapi tak akan dapat *results* yang bagus. Selagi kita tak cuba, kita tak tahu. Kesimpulan dia, cuba dulu," kata Wan Mohd Hafiz mengakhiri perbualan.



# 7 SEBAB KENAPA MENTOR PENTING DALAM BISNES

Pasti anda sedia maklum, di RichWorks ada menyediakan program pementoran untuk usahawan dalam kalangan Titanium dan juga SPIRE.

Mentorship adalah program bimbingan yang memberi banyak faedah di samping membantu pelajari perkara baharu, membina rangkaian anda dan berkembang sebagai seorang yang lebih profesional.

Dalam program pementoran Titanium dan juga SPIRE, sudah pasti Datuk Wira Dr. Azizan Osman yang menjadi mentor anda.

## APA ITU MENTOR?

Mentor adalah seseorang yang bertindak sebagai penasihat kepada individu yang kurang berpengalaman dalam sesuatu perkara.

Ia bukan terhad kepada bisnes sahaja, tetapi dalam semua perkara yang anda ingin capai. Biasanya kita akan mencari mentor yang pakar di dalam bidang yang kita ingini.

Sebagai seorang usahawan, sudah pasti anda nak mencari mentor yang dapat membantu anda untuk mengembangkan bisnes ke tahap yang tinggi.

Mentor inilah yang akan membantu kita untuk berkembang menjadi seorang yang profesional.

Mereka tidak akan lokek dengan ilmu pengetahuan serta perkongsian pengalaman diri sendiri.

Hubungan mentor boleh dibina melalui rangkaian, hubungan peribadi mahupun program bimbingan yang formal seperti Titanium dan juga SPIRE di RichWorks.

## 7 KEPENTINGAN MENTOR

### 1 UNTUK MENYOKONG PERTUMBUHAN USAHAWAN

Seorang mentor boleh membantu menetapkan fokus kita pada matlamat yang ingin dicapai dan memberi maklum balas tentang proses ke arah matlamat tersebut.

Dengan pengetahuan dan pengalaman mentor dapat bantu melatih dan mencipta tenaga kerja yang berkualiti tinggi serta produktif.

### 2 BERFUNGSI SEBAGAI SUMBER ILMU

Dengan ilmu, mentor senantiasanya mampu untuk memberikan pandangan dan maklumat khusus yang membolehkan kejayaan anda.



Kita boleh mendapatkan manfaat dengan ilmu mereka kerana ia membantu kita untuk menjadi selesa dengan lebih cepat.

Mentor boleh membantu seseorang memulakan perniagaan serta belajar cara membangunkan rancangan perniagaan dan belanjawan awal.

### **3 BANTU TETAPKAN MATLAMAT**

Untuk menetapkan matlamat yang berkesan, mereka boleh mencipta matlamat khusus yang boleh dicapai dan relevan untuk mentee.

Matlamat ini boleh membantu memfokuskan usaha kita dan memudahkan mentor untuk mengesan dan menilai proses kemajuan kita.

Seorang mentor membantu untuk pastikan mentee mereka bertanggungjawab untuk capai matlamat dan kekal fokus berada di landasan yang betul.

Selalunya apabila mentor beri yang terbaik, mentee akan berusaha untuk tidak mengecewakan mentor dengan kegagalan untuk capai matlamat.

### **4 MEMBERI GALAKAN**

Apabila kita menghadapi cabaran, kita boleh merujuk kepada mentor untuk mendapatkan sokongan serta nasihat untuk mendorong kita terus maju walaupun menghadapi pelbagai cabaran.

Sebagai mentor, mereka boleh kenal pasti dan nyatakan apa kekuatan kita untuk memberi lebih keyakinan.

Mempunyai rasa yakin yang kuat akan

menjadikan kita lebih bersemangat dan tidak berputus asa untuk capai matlamat.

### **5 SEDIA MENDENGAR TENTANG YANG BAIK ATAU BURUK**

Jika ada sebarang idea, kongsi idea tersebut untuk dibincangkan bersama mentor kerana mentor boleh memberikan pendapat yang tidak berat sebelah dengan pengetahuan serta pengalaman yang dimiliki.

Dengan ini lebih mudah untuk kita nampak jalan yang lebih jelas untuk melaksanakan idea tadi. Selain itu, mentor selalunya sedia mendengar masalah lain seperti konflik di pejabat mahupun masalah peribadi.

### **6 MEMBERIKAN MAKLUM BALAS YANG MEMBINA**

Maklum balas yang jujur penting untuk perkembangan seorang usahawan.

Dengan mewujudkan kepercayaan, mentee pasti memahami bahawa kritikan yang membina adalah bertujuan untuk membina hubungan profesional dan bukannya membuat mereka merasa teruk.

Mentor mengenal pasti kelemahan dan beri pandangan untuk menambah baik segala kekurangan.

### **7 MEMPUNYAI PENGALAMAN YANG LUAS DALAM SESUATU BIDANG**

Untuk memilih mentor, kita perlu pilih mentor yang mempunyai pengalaman yang berkaitan dengan kerjaya atau matlamat yang kita nak capai.

Ambil pengalaman ini untuk berusaha ke arah

kejayaan dengan meniru langkah kejayaan mereka.

Mentor juga berkongsi tentang kesilapan mereka yang boleh kita elakkan. Mempelajari tentang pengalaman ini membantu kita untuk menghadapi cabaran yang sedang kita hadapi.

## PILIH SIAPA MENTOR ANDA

Kita boleh memilih sesiapa sahaja untuk menjadi mentor. Tapi pastikan mentor yang kita pilih mempunyai hasil yang terbukti berjaya di dalam bidang yang kita mahukan kejayaan.





# *drive* BISNES

bersama **Radz Mohd**

Chief Business Officer (CBO)  
RichWorks International Sdn Bhd



STRATEGY

[www.binabisnesberjaya.com](http://www.binabisnesberjaya.com)

**RABU, 9 MALAM**  
PLATFORM **zoom**

Claim  
hadiah  
eBook



TM

# NAK GROW BISNES?

[binabisnesberjaya.com](http://binabisnesberjaya.com)





*E-MAGAZINE  
UNTUK  
BANGSA  
USAHAWAN*

**RICHWORKS**  
ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

THE  
**TITAN**

[richworks.com/thetitan](http://richworks.com/thetitan)

**PENAFIAN :** NASIHAT YANG DIBERIKAN DALAM MAJALAH INI MERUPAKAN NASIHAT SECARA AM. IA DISEDIAKAN TANPA MENGAMBIL KIRA OBJEKTIF, SITUASI KEWANGAN ATAU KEPERLUAN ANDA. SEBELUM MELAKUKAN TINDAKAN, ANDA PERLU MENILAI KESESUAIAN NASIHAT DIBERIKAN MENGIKUT SITUASI & KEPERLUAN MASING-MASING.